

## NEWS CLIPPING

EVENT:	350,000 LOKET DIJUAL 7-ELEVEN
PUBLICATION:	BERITA HARIAN
PAGE/ SECTION:	NASIONAL
DATE:	SATURDAY, 5 SEPTEMBER 2015
TIME:	-



U-Ming (kanan) bersama Munajat (kiri) ketika pelancaran koleksi 'Crystals Charm' di pejabat Yayasan PRIDE, semalam. (FOTO FARIS SAAD/BIH)

# 350,000 loket dijual 7-Eleven

**Petaling Jaya:** Sebanyak 350,000 loket kristal edisi terhad 'Crystals Charm' akan dijual di rangkaian kedai 7-Eleven di seluruh negara ini untuk mengumpul dana bagi membiayai aktiviti meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai ancaman barah payudara.

Pengarah Eksekutif 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd, Tan U-Ming, berkata pelancaran loket menerusi 14 koleksi dalam pelbagai reka bentuk itu adalah antara

cara untuk pihaknya menarik perhatian orang ramai terhadap penyakit berkenaan, sekali gus memberi kesedaran kepada mereka, terutama golongan wanita.

### Kesan peringkat awal

"Melalui kempen ini, masyarakat juga dapat tahu bagaimana boleh melakukan pengesanan awal serta mendapatkan rawatan untuk barah payudara," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran koleksi ber-

kenaan, di sini semalam.

U-Ming berkata, pihaknya menyasarkan kutipan RM30,000 melalui kempen berkenaan yang bermula Selasa ini hingga Rabu depan untuk disalurkan kepada Yayasan PRIDE (Pink Ribbon Deeds).

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan PRIDE, Acron Munajat, berkata kempen berkenaan bukan sahaja bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penyakit pembunuh nombor satu wanita itu, malah menanam semangat untuk mereka menjaga kesihatan.

"Penting untuk wanita melakukan pemeriksaan payudara supaya jika ada gejala barah, ia dapat dikesan dari peringkat awal," katanya.